

TARIKH	JUMAAT, 9 JUN 2023
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	JEPUN TERUSKAN RANCANGAN LEPASKAN SISA NUKLEAR KE LAUT
M/S	28
BIDANG	WASTE
KATA KUNCI	WASTE, JAPAN

Dunia

Jumaat, 9 Jun 2023 BH

Jepun teruskan rancangan lepaskan sisa nuklear ke laut

Tak mengendahkan kebimbangan negara jiran, komuniti nelayan

Istanbul: Jepun tetap meneruskan rancangan memasukkan air laut ke dalam terowong saluran Loji Kuasa Nuklear Fukushima Daiichi untuk membebaskan air sisa radioaktif terawat ke laut walaupun menerima pelbagai tekanan, lapor *Agensi Anadolu*.

Rancangan itu mencetuskan bantahan kedutaan China di Tokyo, selain daripada komuniti nelayan tempatan dan negara jiran.

"Kemudaran akibat pelepasan air nuklear ke laut tidak dapat diukur," menurut kenyataan kedutaan China di Jepun.

Apabila diisi dengan air laut, terowong itu akan membawa air terawat dari loji ke satu titik kira-kira satu kilometer di luar pesisir.

Sistem pelepasan air hampir siap, kecuali takungan yang akan menyimpan air terawat sebelum dilepaskan. Utiliti itu menyasarkan semua proses selesai pada akhir Jun.

Air yang digunakan untuk menyejukkan bahan api cair di kemudahan itu akan bergabung dengan hujan dan air bawah tanah. Air terkumpul akan dirawat untuk menghapuskan bahan radioaktif dan kemudian disimpan dalam tangki yang terletak di kawasan loji.

Kerajaan bercadang mencairkan air yang ditapis untuk menurunkan



Rancangan Jepun untuk meneruskan memasukkan air laut ke dalam terowong saluran Loji Kuasa Nuklear Fukushima Daiichi untuk membebaskan air sisa radioaktif terawat ke laut mencetuskan bantahan kedutaan China di Tokyo. (Foto AGENSI)

kepekatan tritium di bawah had dibenarkan yang ditetapkan oleh peraturan negara, lapor *NHK*.

Kedutaan China menggesa Jepun supaya tidak meletakkan generasi akan datang berdepan risiko.

Pengerusi Pihak Berkuasa Tenaga Atom China, Zhang Kejian, turut mengkritik tindakan Jepun yang dianggap 'sangat tidak bertanggungjawab' itu.

Tak hirau kebimbangan

Jepun tidak mengendahkan kebimbangan rakyatnya dan negara lain, tidak memberikan jawapan saintifik atau berunding dengan jiran dan pihak berkepentingan, katanya pada mesyuarat lembaga gabenor

Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) yang diadakan pada Isnin di Austria.

Kempen tandatangan dilancarkan di Korea Selatan minggu lalu untuk menentang tindakan itu, yang dimulakan oleh parti pembangkang iaitu Parti Demokrat.

Pengerusinya, Lee Jae-Myung, menyuarakan kebimbangannya, selain mempersoalkan bagaimana presiden dan parti pemerintah boleh menyokong Jepun dan memberi mereka imuniti dan kebenaran untuk melepaskan air berbahaya yang tercemar nuklear ke lautan.

Jepun melancarkan pelan pelepasan air pada April 2021, mencekutkan kritikan besar-besaran da-

ripada China, Korea Selatan, Korea Utara, negara kepulauan Taiwan dan badan antarabangsa, termasuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Bagaimanapun, Amerika Syarikat (AS) menyokong cadangan itu yang dibuat selepas perbincangan bertahun-tahun mengenai cara untuk menyingkirkan lebih satu juta tan air terkumpul di kompleks nuklear Fukushima yang sudah tidak digunakan selepas gempa bumi dan tsunami pada Mac 2011.

Jepun menjanjikan dana AS\$600 juta untuk komuniti nelayan tempatan yang turut menyuarakan bantahan terhadap langkah itu

BERNAMA-ANADOLU

DISEDIAKAN
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM